


## ULASAN BUKU



MOHD NASIR MASROOM  
**Terapi Jiwa Untuk Pesakit Mental**  
Johor: Penerbit UTM Press, 2019.  
ISBN 9789835216336

## ULASAN

Buku ini mengandungi enam bab yang secara khususnya membincangkan konsep kesihatan jiwa berdasarkan perspektif Islam dan bagaimana ibadah dapat memainkan peranan serta menjadi salah satu kaedah merawat jiwa yang sakit. Walaupun buku ini menonjolkan ibadah sebagai salah satu bentuk rawatan jiwa, penulis menjelaskan bahawa ibadah bukan sahaja perlu betul dan sah, tetapi kefahaman pesakit terhadap falsafah dan hikmah ibadah itu turut sama mengambil tempat yang penting dalam menjayakan rawatan jiwa ini. Sesungguhnya, rawatan jiwa yang sempurna adalah dengan mengambil kira keupayaan pesakit untuk memahami tujuan dan hikmah ibadah yang dilakukan bagi menjamin kesan baik ibadah yang dilakukan secara berterusan. Sekiranya tujuan dan hikmah ibadah tidak difahami, ada kemungkinan sakit jiwanya akan kembali, dan akhirnya menjelaskan kesihatan mental. Justeru, penulis berharap agar buku ini dapat membuka dimensi baharu dalam kaedah perawatan jiwa khususnya bagi pesakit mental.

Dalam bab pertama iaitu isu penyakit mental di Malaysia, penulis menyimpulkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi yang terlibat serta NGO yang berkaitan perlu bersedia untuk menghadapi peningkatan kes pesakit jiwa dalam

kalangan masyarakat Malaysia berdasarkan statistik yang telah disertakan. Penulis turut mengesyorkan pembangunan model rawatan yang lebih sesuai perlu dijadikan sebagai satu usaha yang berterusan dan diberi keutamaan dari segi kepentingan, dana dan penajaan. Usaha tersebut merupakan satu langkah untuk memahami masalah pesakit mental menurut perspektif Islam berdasarkan al-Quran, hadis dan pandangan sarjana Islam. Penulis juga berhasrat untuk mengetengahkan suatu pendekatan rawatan yang holistik, iaitu pendekatan yang mengambil kira unsur kerohanian dan keagamaan perlu dicari dan diteroka bagi mengatasi kekurangan yang ada dalam bidang psikoterapi dan psikiatri moden.

Bab yang kedua iaitu definisi jiwa dalam Islam, penulis mendefiniskan jiwa sebagai sesuatu yang halus dan bersifat maknawi, bukan sesuatu yang berbentuk fizikal (jisim). Hal ini demikian kerana perkataan jiwa itu sendiri sudah memberikan gambaran bahawa ia sesuatu yang tidak kelihatan dengan mata kasar. Justeru, untuk memahami jiwa manusia dalam perspektif Islam, perlulah memahami kempat-empat unsur iaitu jiwa (*al-nafs*), hati (*al-qalb*), roh (*al-ruh*) dan akal/minda (*al-'aql*) dalam pengertiannya yang halus dan maknawi.

Penulis memperincikan mengenai penyakit mental di dalam bab yang ketiga. Terdapat beberapa kategori penyakit mental yang telah dinyatakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Namun, penyakit mental dari aspek kesedaran pesakit terhadap realiti sekitarnya boleh dikategorikan kepada neurosis dan psikosis. Terdapat pelbagai jenis neurosis antaranya ialah kebimbangan neurosis, iaitu perasaan takut yang berlebihan sehingga menyebabkan seseorang tidak dapat berfungsi dengan baik dan boleh menyebabkan serangan panik, berdebar-debar, kebas dan boleh jatuh pengsan ketika berada dalam situasi cemas dan bimbang manakala kemurungan ialah gangguan mental serius yang mungkin berkait dengan pengalaman hidup yang pahit atau disebabkan ketidakseimbangan kimia di dalam badan. Psikosis pula simptom penyakit mental yang disifatkan dengan perubahan radikal pada personaliti dan kurang kesedaran terhadap realiti. Psikosis boleh dilihat melalui satu tanda daripada beberapa penyakit mental, termasuk gangguan *mood* dan personaliti, skizofrenia, gangguan delusi dan penyalahgunaan bahan (seperti dadah dan alkohol). Pesakit ini tidak dapat

membezakan antara keadaan sebenar atau tidak dan mengalami halusinasi serta delusi yang mereka percaya adalah realiti.

Seterusnya, bab keempat membahaskan tentang kesihatan jiwa menurut Islam. Di dalam bab ini penulis mengumpulkan pelbagai pandangan daripada ilmuan dan tokoh Islam berkenaan kesihatan jiwa. Berdasarkan pelbagai definisi dan konsep kesihatan jiwa seperti yang telah dinyatakan oleh penulis, usaha unuk mengkaji faedah dan kesan sesuatu ibadah dan amalan terhadap kesihatan jiwa boleh dilihat dari tiga (3) aspek iaitu pandangan individu terhadap dirinya sendiri, hubungan dengan orang lain dan hubungannya dengan Allah SWT. Manusia sering kali menghadapi tekanan, goncangan dan pertentangan jiwa yang mengakibatkan munculnya penyakit jiwa. Maka, kehadiran Islam bermatlamat memberikan petunjuk kepada manusia dan mengarahkannya kepada kebaikan di dunia dan akhirat.

Bab kelima ialah merawat jiwa melalui ibadah dimana penulis menyimpulkan bahawa ibadah yang dilakukan oleh setiap Muslim adalah manifestasi sifat kehambaan, kepatuhan dan tunduk kepada Allah SWT. Ia juga tanggungjawab Muslim kepada TuhanYa. Terdapat pelbagai jenis amalan yang menjadi tetapi kepada jiwa iaitu wuduk, solat, puasa, zakat, zikir, taubat dan amalan sosial yang didapati sangat penting dan mempunyai kesan terhadap jiwa.

Penulis telah memperincikan Modul Terapi Jiwa di dalam bab keenam. Modul ini dibina hasil daripada konsep jiwa yang diperkenalkan oleh al-Ghazali yang membahagikan jiwa kepada al-Ruh, al-Aql, al-Nafs dan al-Qalb. Matlamat modul ini adalah untuk membimbing para peserta agar dapat memperkuuhkan ketahanan jiwa, memperbaiki ibadah dan mempunyai pemikiran yang positif. Terdapat tiga (3) submodul iaitu iman, ibadah dan ihsan.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutamanya individu-individu yang mengalami masalah penyakit jiwa serta individu-individu yang berada disamping pesakit jiwa. Buku ini mampu untuk menstruktur semula nilai positif dan rasional dalam kognitif pembaca dengan nilai-nilai positif dan rasional yang selari dengan Islam, seperti reda, ihsan,

sabar dan tawakal kepada Allah SWT. Penerangan yang menarik berserta carta dan data-data yang terperinci yang cuba ditonjolkan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Kesimpulannya, rawatan jiwa secara Islam yang menumpukan penstruktur semula kognitif dan sistem kepercayaan melalui akidah yang benar, kefahaman yang jelas terhadap tujuan ibadah yang sah boleh dilaksanakan seiring dengan rawatan psikiatri moden yang menawarkan psikoterapi dan rawatan melalui pengambilan ubat untuk mendapatkan kesan yang lebih optimum.

Pengulas

**Akmal Shahmeen bin Ahamad Sabarudin**

Penolong Pengarah

Bahagian Pembinaan Koleksi

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



NURUL NORIZAH  
**Abah**  
Shah Alam, Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.,  
2021  
ISBN 9789671656310

## ULASAN

Buku ini mengandungi dua puluh (20) bab yang menceritakan perjalanan hidup dan pengorbanan seorang insan bergelar ‘Abah’ iaitu abah kepada penulis sendiri. Di penghujung usianya beliau telah dihimpit dengan ujian kesakitan dan telah menjalani pelbagai rawatan dan penjagaan. Kisah abah sangat menyentuh perasaan bagi sesiapa yang membacanya.

Dalam bab 1 – 5 menceritakan zaman muda abah. Abah yang bernama Yaakub berasal dari keluarga sederhana di sebuah kampung di Negeri Perak. Abah bekerja kampung dan juga tukang membuat rumah. Abah telah dijodohkan dengan seorang gadis sunti yang cantik bernama Zainab dan menjadi suri yang setia hingga ke hujung usia. Pada masa abah berusia 26 tahun dan Zainab pula berusia 16 tahun mereka telah diijabkabul pada 31 Mac 1966. Bermula dari itu, hiduplah mereka dengan bahagia sebagai pasangan suami isteri. Mereka dikurniakan empat (4) orang cahayamata. Tiga (3) lelaki dan seorang (1) perempuan. Walau bagaimanapun, anak sulong mereka telah dijemput ilahi dan selepas itu mereka dikurniakan seorang bayi perempuan yang comel. Dari itu bermula kisah penulis bersama abah.

Norizah atau panggilan manja Noni merupakan anak tunggal abah. Noni dipelihara dengan penuh kasih sayang yang tidak terhingga. Kemana sahaja abah pergi, anak tunggal kesayangannya pasti akan bersama. Noni teman bergurau senda dan bermanja. Segala kemahuan Noni akan dilaksanakan oleh abah. Contohnya, Abah mengumpul duit hasil jualan kopi, koko dan lain – lain untuk membeli televisyen kerana anaknya suka menonton. Noni juga selalu ditinggalkan di rumah opah apabila abah dan ibunya keluar bekerja. Opah juga sangat menyayangi cucu-cucunya. Abah mempunyai sebuah Vespa yang berwarna hijau dan dengan vespa penulis dibawa bersiar – siar di kampung sambil menunjukkan rumah – rumah telah dibina oleh abah. Abah membina sendiri rumah beliau dan kecantikan rekabentuknya sentiasa menjadi contoh kepada penduduk kampung. Kehidupan mereka sekeluarga sangat bahagia dan penuh dengan kasih sayang.

Dalam bab 6 – 10 pula, mengisahkan penulis memulakan alam persekolahan. Penulis dididik dengan penuh ilmu kerohanian dan teladan yang baik. Walaupun abah seorang budak kampung yang tidak berpelajaran tinggi, beliau akan mengajar anaknya sekiranya terdapat kemosykilan dalam pelajaran. Sikap abah membuatkan anaknya menyanjung tinggi dan menghormati orang tuanya. Kebijaksanaan anak kesayangannya, telah ditawarkan ke sekolah berasrama penuh di bandar. Bermulalah perpisahan keluarga ini dengan anaknya semasa penggal persekolahan. Ketika itu, penulis telahpun mempunyai dua orang adik lelaki yang masih kecil. Penulis juga dibenarkan berdikari untuk kembali ke asrama dengan menaiki bas. Abah sering mengunjungi anaknya di asrama pada hujung minggu dengan menaiki vespa kesayangan.

Seterusnya di dalam bab 11 – 15, penulis seterusnya menceritakan sikap abah yang sentiasa berjimat cermat dalam pengurusan kewangan. Abah juga seorang yang ringan tulang dalam urusan rumahtangga. Contohnya, beliau suka memasak, manakala ibu pula biasanya sebagai pembantu. Masakan abah digemari seisi keluarga. Kebijaksanaan penulis di dalam pelajaran dan keputusan cemerlang telah melayakkan beliau bertukar ke sekolah yang lebih baik di Kuala Lumpur. Abah gembira dengan pencapaian anaknya. Penulis pernah dinobatkan sebagai Pemidato Terbaik dalam Pertandingan Perbahasan Piala Perdana Menteri yang disiarkan

secara langsung di dalam televisyen. Pencapaian cemerlang penulis dalam pelajaran melayakkan beliau menyambung pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan beliau juga ditawarkan ke luar negara. Bagaimanapun, penulis sering tidak sihat dan beliau tidak dapat meneruskan pelajaran. Penulis bertemu jodoh dan hidup bahagia bersama keluarga. Penulis menjalankan perniagaan kecil – kecilan sambil menjaga anak – anak dari rumah. Abah tetap gembira dengan pencapaian anaknya dan sentiasa memberi sokongan.

Seterusnya di dalam bab 16 – 20, Abah yang disayangi oleh keluarga mula uzur dan tidak sihat. Pada ketika ini, anak – anak telah berkeluarga dan mempunyai kehidupan sendiri di bandar. Abah dan ibu sahaja yang berada di kampung. Ibu perlu sentiasa menemani abah dan menjaga suaminya. Kesihatan dan keuzuran abah, menyebabkan penulis membawa kedua orang tuanya tinggal bersama di rumahnya. Penulis dapat membantu ibunya menjaga dan menguruskan abah. Di samping itu, adik – adik lelakinya juga datang menjenguk dan membantu menjaga dan menghiburkan hati abah. Rawatan abah di hospital diuruskan di sini dan penulis akan menjadi jururawat di rumah. Penulis akan menyediakan makanan dan minuman, ubatan dan lain – lain keperluan abah. Abah semakin uzur dari sehari ke sehari. Dari boleh berjalan bertongkat, berkerusi roda dan akhirnya terlantar di atas katil. Keluar masuk hospital telah menjadi rutin kehidupan abah pada ketika ini. Kesihatan abah semakin menyosot, penulis dan adik – adik mengambil keputusan membawa abah ke hospital dan di sana telah ditempatkan di unit rawatan rapi. Buah pinggang abah tidak berfungsi lagi. Dialisis perlu dijalankan. Walau bagaimanapun, abah menghembus nafas terakhir pada pukul 3.50 petang, 10 November dan tarikh tersebut juga merupakan tarikh kelahiran penulis pada tahun 1968, jam 2.30 pagi. Seluruh keluarga amat sedih dengan pemergian abah yang disayangi. Jasa dan pengorbanan serta didikan abah menjadi ingatan kepada semua ahli keluarga penulis. Al-Fatihah.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur. Buku ini membawa kita mengingatkan kepada abah sendiri dan terkenang jasa dan pengobanan seorang abah. Pembaca akan terasa sedih dan boleh mengeluarkan air mata apabila membacanya kerana tulisan


yang ikhlas memberi impak yang mendalam kepada pembaca. Penyampaian cerita dengan gaya bahasa yang indah dan mudah difahami berserta dengan tips – tips yang boleh dijadikan pedoman sangat menarik minat untuk terus membaca sehingga bab yang terakhir. Selain dari itu terdapat panduan penjagaan pesakit kronik di rumah berdasarkan pengalaman, pembelajaran dan tips yang diperoleh daripada pengamal perubatan. Semua ini dapat membantu kepada yang memerlukan. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan bermanfaat untuk dibaca oleh semua individu.

Pengulas

**Haniza binti Yusof**

Penolong Pustakawan Tinggi  
Bahagian Penyelidikan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



**Jalan Nan Berliku : Himpunan Pengalaman Para Pensyarah JPM IPGKPT**  
Nilai, N. Sembilan: Jabatan Pengajian Melayu IPGKPT, 2019.  
ISBN 9789670814384

## ULASAN

Buku ini menghimpunkan 7 buah cerpen bertemakan pengalaman yang dilalui oleh para pensyarah IPG Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek. Setiap cerpen di dalam buku ini membawa pembaca menyelami dunia pendidikan dari pelbagai aspek seperti isu pelajar luar bandar, hukuman rotan dan harapan seorang guru.

Cerpen pertama ditulis oleh Dr. Faridah Abdullah yang bertajuk *Perjalanan Menggapai Impian* ini menceritakan perjalanan penulis menjadi seorang guru. Bermula dengan kegagalannya di dalam SPM pada tahun 1986, penulis tiada pilihan lain selain meneruskan pelajaran di tingkatan 6. Atas kehendak ibunya, penulis memohon untuk memasuki Maktab Perguruan Melayu Melaka dan permohonan tersebut berjaya. Disini bermulanya perjalanan hidup penulis sebagai seorang guru. Penempatan penulis di SMK Jerangau, Bukit Besi Hulu Dungun Terengganu telah memberi satu pengalaman yang paling berharga buat penulis.

Cerpen kedua bertajuk *Pau dan Roti Panjang* yang ditulis oleh Dr. Rabahyah Tahir menyentuh isu rotan yang sering dimainkan di dalam media

massa. Rotan atau istilahnya ‘Roti Panjang’ merupakan satu bentuk hukuman yang sering digunakan oleh guru-guru untuk tujuan mendidik. Pada satu masa dahulu, rotan tidak mendarangkan kebencian kepada guru tetapi membentuk pelajar untuk menjadi seorang yang berhati-hati dalam membuat sesuatu perkara. Berbeza dengan zaman sekarang, rotan dilihat sebagai satu hukuman yang berat untuk dikenakan kepada pelajar dan memberi kesukaran kepada guru untuk melaksanakannya.

Cerpen ketiga yang bertajuk *SMK LKTP Palong Timur Yang Sentiasa Diingati* ditulis oleh Tan Sok Phiau menceritakan pengalaman beliau mendidik pelajar luar bandar. Situasi pendidikan di luar bandar amatlah berbeza dengan pendidikan di bandar. Jumlah pelajar yang kecil memudahkan guru memberi perhatian kepada pelajar-pelajarnya. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak mempunyai minat untuk belajar. Ini menjadi cabaran besar kepada guru untuk memberi pendidikan terbaik kepada pelajar-pelajar luar bandar. Pengalaman yang dikongsi oleh penulis membuka perspektif baru mengenai pendidikan di luar bandar.

*Azman Yang Hilang* yang ditulis oleh Dr. Zubaidah Raja Mohamed menceritakan pengalaman penulis mengajar di sekolah rendah. Cerpen ini menceritakan perjalanan guru tersebut mencari pelajarnya yang hilang tanpa di kesan. Dipengakhiran cerpen ini, peristiwa tersebut mengajar guru untuk menjadi lebih prihatin dan mengambil berat terutamanya murid-murid yang nakal.

Cerpen kelima yang bertajuk *Guru Itu Adalah Aku* ditulis oleh Idarasul merupakan cerpen yang paling unik di dalam buku ini. Cerpen ini menceritakan jangkaan individu apabila menjadi seorang guru. Guru dilihat sebagai seorang wira yang diberi tanggungjawab untuk mendidik anak bangsa mengenal kehidupan dunia dan syurgawi. Namun jangkaan indah tersebut bukanlah sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah. Untuk merealisasikan

tanggungjawab tersebut memerlukan kekuatan yang luar biasa. Cerpen ini menceritakan realiti sebenar tanggungjawab seorang guru.

Cerpen terakhir bertajuk *Kerana Terpaksa, Ia Menjadi Rela* ditulis oleh Badriyatun Kamar. Cerpen ini menceritakan pengalaman penulis mengajar subjek yang tidak diminatinya. Disebabkan subjek tersebut begitu asing dengannya, penulis hanya mampu mengajar dengan menulis nota di papan hitam. Ini menyebabkan pelajar hilang minat dengan subjek tersebut. Atas sebab semangat untuk mengajar, guru tersebut mengambil inisiatif khas untuk mendalami subjek berkenaan. Pengakhiran cerpen ini adalah sesuatu yang di luar jangkaan dan boleh menjadi inspirasi kepada guru-guru di Malaysia.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur terutamanya kepada mereka yang bercita-cita ingin menjadi seorang guru. Setiap cerpen mempunyai cerita yang menarik dan mampu memberi pengajaran dan inspirasi kepada pembaca. Kesimpulannya, buku ini sangat sesuai untuk dibaca oleh semua individu yang ingin menyelami profesion perguruan.


Pengulas

**Mohamad Syahrul Nizam bin MD Ishak**

Penolong Pustakawan

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



**IQRO' FIRDAUS**  
**Bicaralah Yang Baik Ataupun Diamlah!**  
Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd., 2021.  
ISBN 9789674814496

## ULASAN

Buku ini mengandungi dua (2) bab yang mengupas dan membincangkan topik bagaimana kita boleh membentuk peribadi yang baik melalui pengucapan dan juga bagaimana kita boleh menjadi pembicara yang baik seperti Nabi Muhammad S.A.W dalam berbicara.

Bab satu (1) buku ini dibahagikan kepada 13 subtopik. Subtopik pertama menghuraikan mengenai makna di sebalik dua mata, dua telinga, dan satu mulut. Penulis telah menceritakan pelbagai kisah-kisah menarik bagaimana pengakhiran yang kita boleh dapat sekiranya kita menggunakan deria mata, pendengaran dan percakapan ke arah kebaikan. Subtopik kedua pula, penulis telah menggambarkan bila waktu sesuai untuk kita bercakap dan kita perlu pastikan percakapan tersebut adalah baik. Perkataan yang baik itu dapat diukur jika ia tidak menyakitkan hati orang lain, tidak membuat orang lain tersinggung, marah, sakit hati dan kecewa.

Subtopik ketiga pula, penulis mengupas mengenai sifat terburu-buru dalam melaksanakan sesuatu termasuk dalam pengucapan. Sifat terburu-buru ini merupakan sifat syaitan yang hanya akan membawa kepada keburukan. Subtopik keempat pula, penulis telah menjelaskan bahawa setiap pengucapan

perlu jelas, sistematik dan mudah untuk mengelakkan berlaku salah faham dalam kalangan orang yang mendengar percakapan kita.

Subtopik kelima pula, penulis menerangkan 6 perkara asas yang perlu dipelajari dalam menjadi pembicara yang baik. 6 perkara asas itu ialah intonasi, artikulasi, perhentian bicara (tempo), kelajuan berbicara, laras suara (nada), dan penekanan terhadap sesuatu perkara yang hendak ditekankan. Dalam subtopik keenam, penulis menerangkan mengenai terma “mulutmu harimaumu”. Permusuhan, perpecahan, masalah, keretakan hubungan dan sebagainya boleh terjadi kerana beberapa perkataan yang tidak patut diperkatakan.

Subtopik ketujuh pula penulis menerangkan bahawa manusia yang normal pastinya ada nada rasa benci dan membenci. Oleh demikian, penulis telah memberi penjelasan bahawa boleh jika kita ingin membenci tapi kita dilarang untuk mencaci. Dalam tafsir Ibnu Katsir, beliau menerangkan bahawa haram bagi seorang muslim berkata buruk, menghina, mengejek dan bersikap negatif dengan lisannya terhadap sesama manusia.

Subtopik ke lapan pula, penulis telah menerangkan mengenai kebaikan dan keburukan lisan. Lisan ini boleh diibaratkan seperti dua keping mata wang. Satu sisi kita boleh mulia kerananya dan satu sisi lagi kita boleh menjadi hina kerananya. Oleh kerana itu, menjaga lisan boleh dilakukan dengan dua cara, iaitu dengan berkata baik ataupun diam jika tidak mampu. Dengan demikian, diam adalah satu pilihan yang berkedudukan lebih rendah daripada berkata baik, tetapi lebih baik dibandingkan dengan berkata keji dan buruk.

Dalam subtopik ke sembilan pula, penulis menerangkan bagaimana cara kita bercakap ketika sedang marah, kesal dan benci dari sudut psikologi dan penerangan dalam hadis. Dalam subtopik ke sepuluh, penulis menggariskan 16 akhlak yang perlu dicontohi sepetimana yang telah dianjurkan dalam Islam.

Bagi bab kedua dalam buku ini, penulis telah menggariskan 4 sifat mulia Nabi Muhammad S.A.W. yang patut dicontohi dan diteladani oleh semua umat Islam. 4 sifat mulia itu ialah siddiq (jujur ataupun benar), amanah (dipercaya), tabligh (komunikasi), fathanah (bijaksana). Bagi mencapai 4 sifat mulia ini, kita perlu menggunakan konsep REACH iaitu Respect, Empathy, Audible, Clarity dan Humble. Penulis berpendapat sekiranya kita dapat memastikan ke semua elemen ini berada dalam komunikasi kita, kemungkinan besar kita akan menjadi seorang komunikator yang disenangi oleh orang lain.

Dalam penutup, penulis telah menceritakan 13 gaya berbicara cara Nabi Muhammad S.A.W. yang telah menjadikan Rasullullah seorang pembicara yang handal, hebat, luar biasa dan patut ditiru.

Pengulas


**Nor Azlin Binti Sahamed**

Penolong Pengarah

Bahagian Sumber Elektronik

Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



DR. NIZAR ABAZHAN  
**Mengenali Nabi Muhammad dan Keluarga Baginda**  
Johor Bahru, Johor: Pustaka Azhar, 2020.  
ISBN 9789670934693

## ULASAN

Rumah adalah tempat untuk kita mendapatkan ketenangan. Manakala kebahagian hidup tersimpan di sebalik hubungan harmoni sepasang suami isteri. Siapakah antara kita yang tidak pernah mendambakan rumah yang tenang, isteri yang sehaluan, dan anak-anak yang berbakti sebagai buah hati dan cahaya kebahagian? Hakikatnya, tidak semua orang mampu mendirikan sebuah rumah seumpama itu. Hal ini demikian kerana rumah tersebut bukanlah disebabkan oleh bangunan batu, simen dan kayu.

Buku ini menerangkan peranan seorang ayah selaku ketua rumah tangga yang memikul tanggungjawab untuk memimpin, membimbing dan memberi teladan yang baik serta kebijakan sempurna terhadap seluruh ahli keluarganya. Mungkin ada antara ketua keluarga yang tidak lengkap dalam menjalankan fungsi kepimpinannya, tidak sanggup bertindak dengan bijak ataupun tidak tahu akan cara menghadapi pelbagai kesulitan dan persoalan pelik rumah tangga. Buku ini merupakan satu panduan lengkap bagi mereka yang ingin berinteraksi dengan seluruh komponen keluarga dengan ilmu. Sesuai bagi mereka tidak tahu akan cara mengendalikan sesuatu masalah dengan bijak, tidak menunjukkan keteladanan yang baik, serta gagal memberikan pengajaran yang sepatutnya. Hal ini menyebabkan rumah menjadi tidak stabil dan segala urusan rumah tangga menjadi kacau bilau.

Sebenarnya bagi orang yang diberi kemudahan oleh Allah SWT membangunkan rumah tangga yang harmoni tidaklah sukar. Hanya perlu mencontohi segala urusan rumah tangga yang ditunjukkan oleh Rasullah S.A.W. Kita boleh meniru dan mengikuti jejak baginda. Kita juga boleh mencontohi jalan kebahagian yang ditunjukkan oleh baginda terhadap isteri-isterinya dengan segala kecenderungan dan berbagai-bagai pola pendidikan. Mereka hidup bersama-sama Rasulullah S.A.W. dengan penuh kerelaan dan keharmonian. Walaupun sesekali diselingi riak perselisihan dan dugaan atau suasana yang sedikit tegang tetapi semua itu berkemuncak dengan pengakhiran yang menggembirakan. Kita semua telah belajar tentang cara Rasulullah SAW menangani setiap persoalan yang mengganggu "cuaca jernih" dalam rumah tangga baginda.

Antara topik-topik yang dibincangkan secara terperinci oleh penulis di dalam buku ini adalah bagaimana baginda menanganinya dengan sikap bijak, lembut dan penuh toleransi. Sikap yang sudah tentu tidak menyimpang dari garis keredaan Allah S.W.T. dan tidak mengurangi rasa saling cinta antara mereka. Sikap sedemikian selalu tercermin dalam diri baginda sama ada melalui petunjuk secara langsung ataupun tidak sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran. Apabila dituntut agar bersikap tegas, Rasulullah S.A.W. akan bertegas. Apabila dituntut bersikap marah, baginda marah. Walau bagaimanapun, ketegasannya tidak disertai dengan tongkat atau pukulan. Selain itu, tidak pernah ada umpatan yang bernada menghina dan melukai perasaan terhadap orang lain. Malahan sikap baginda yang demikian tidaklah mengambil masa yang lama. Setelah itu, baginda bersikap lemah lembut dan berdedikasi terhadap mereka.

Rasulullah S.A.W. tidak pernah membebankan kesalahan dan kesukaran kepada orang di sekelilingnya. Keberadaan baginda tidak hanya menghapus keberadaan keluarga dan pembantu baginda. Pendapat mereka dinilai dan diperhatikan. Sesiapa pun yang berbicara akan didengar baginda dengan penuh perhatian, baik anak-anak mahupun orang tua, baik rakyat jelata mahupun raja. Baginda menanggung penderitaan mereka dan bersikap lembut selagi mereka berada di jalan kebenaran. Jika diketahui oleh baginda terdapat sesuatu

menyimpang, tidak segan-segan baginda menegur mereka dengan sopan, baginda memberikan kemaafan dan mengajak mereka kembali pada kebaikan. Rumah Rasulullah S.A.W. adalah rumah sakinah yang sentiasa dilimpahi rahmat. Semua orang dapat merasakannya baik hamba sahaya, pembantu baginda, tetamu ataupun sesiapa yang datang ke rumah baginda.

Rasulullah S.A.W. ialah manusia biasa pada umumnya. Padahal, setiap langkah hidup baginda adalah teladan terbaik yang tidak sukar untuk dipraktikkan. Dalam kehidupan berumah tangga misalnya, kita terperangkap dalam contoh tindakan berdasarkan suara naluri kita sendiri dan terpengaruh dengan tradisi masyarakat yang terdapat impak positif dan negatifnya. Penulis menyeru kita jadikan kisah hidup baginda sebagai sumber tauladan yang lengkap dan sempurna.

Buku ini menggunakan bahasa yang mudah serta senang difahami oleh pembaca. Antara topik yang bakal menarik perhatian pembaca ialah kisah-kisah bagaimana Rasulullah S.A.W. melayan isteri-isteri, anak-anak, para sahabat serta keluarganya. Penulis juga berkongsi di dalam buku ini, Rasulullah S.A.W. memberikan gambaran tentang keberhasilan yang sempurna bagi kaum lelaki. Manakala bagi kaum wanita pula, baginda mengajarkan perkara-perkara baik yang seharusnya mereka lakukan sebagai seorang isteri. Penerbitan buku ini amat bersesuaian dan disyorkan kepada kaum lelaki sebagai pemimpin keluarga malah amat bersesuaian kepada sesiapa yang ingin mendalami kisah hidup Rasulullah S.A.W. Kisah-kisah semuanya bermanfaat untuk semua.


Pengulas

**Nor Izzati binti Mohd Ramli**

Penolong Pustakawan

Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



ASNUL DAHAR MINGHAT, RUHIZAN MOHAMMAD YASIN

### **Model Pengukuran Kelestarian Pendidikan Teknikal dan Vokasional**

Melaka: Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka, 2020.  
ISBN 9789672423041

## ULASAN

Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV) dilihat sangat penting dalam pembangunan sesebuah negara. Pelaksanaan latihan yang dilalui dan diterima dalam sistem tersebut akan melahirkan masyarakat dengan kemahiran asas tertentu, justeru dapat menyokong sesebuah ekonomi. PTV dapat menyumbang dan membekalkan tenaga mahir dan separa mahir bagi memenuhi keperluan sektor pekerjaan tertentu. PTV juga bermula di peringkat pendidikan rendah dan menengah bagi negara-negara maju seperti di Finland, Perancis dan Jerman. Ini menunjukkan pentingnya PTV bagi negara-negara tersebut. Kos pelaksanaan untuk membangunkan PTV adalah lebih tinggi daripada pendidikan biasa kerana ianya melibatkan penyediaan kemudahan bengkel, peralatan dan mesin, penyediaan bahan amali dan penyediaan latihan guru berkemahiran. Oleh yang demikian, kelestarian pembangunan PTV amat penting agar ianya sentiasa berterusan dalam mencapai matlamat dan objektif PTV yang dilaksanakan di negara ini. Buku ini adalah hasil tesis Ijazah Doktor Falsafah penulis bertajuk "Pembinaan Indikator dan Model Pengukuran Kelestarian Pembangunan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Harian".

Buku ini dihasilkan bagi membantu semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan teknikal dan vokasional dalam merancang dan mengimplementasi PTV

di institusi pendidikan teknikal dan vokasional masing-masing. Bab 1 membincangkan secara terperinci tentang konsep kelestarian pembangunan (*Sustainable Development*). Konsep kelestarian pembangunan ini adalah berdasarkan tiga teras utama iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar. Menurut Laine (2004), ketiga-tiga teras ini membentuk satu set yang mana pertindihan antara tiga teras utama adalah bertujuan meningkatkan kualiti kehidupan (*quality of life*). Selain itu, konsep kelestarian pendidikan juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab 2 membincangkan landskap pendidikan teknikal dan vokasional di Malaysia dan di luar negara. Konsep dan definisi PTV telah dihuraikan secara panjang lebar dalam bab ini. Perbandingan antara PTV di beberapa buah negara dalam dunia juga ditonjolkan. Pendidikan vokasional merupakan satu konsep pendidikan yang agak lama diperkenalkan dalam sistem pendidikan sesebuah negara. Tujuan pembangunan pendidikan vokasional antaranya adalah menyediakan dan mempersiapkan pelajar yang berkemahiran untuk bekerja di pelbagai sektor pekerjaan. Ini juga satu usaha meningkatkan kualiti kehidupan (*quality of life*) yang merupakan salah satu elemen kelestarian pembangunan.

Bab 3 melambangkan keunikan buku ini dalam mengetengahkan strategi kelestarian pendidikan teknikal dan vokasional. Sejak tahun 2004, *International Centre for Technical and Vocational Education* (UNEVOC) yang berpusat di Bonn, Jerman telah pun memperkenalkan konsep kelestarian pembangunan dalam TVET (*Sustainable Development in TVET*). Terdapat tujuh strategi kelestarian pembangunan telah digariskan sebagai panduan kepada pemain-pemain TVET. Tujuh strategi tersebut juga telah dijadikan sandaran kepada pakar-pakar dalam kajian Delphi dalam usaha membentuk indikator kelestarian PTV di sekolah menengah harian.

Seterusnya, penulis membahaskan cara membangunkan atau membina indikator kelestarian pendidikan teknikal dan vokasional dalam bab 4 ini. Kajian Delphi merupakan asas utama dalam pembinaan indikator kelestarian PTV telah dihuraikan. Beberapa orang panel pakar dalam bidang PTV dalam negara telah terlibat dalam meneroka indikator utama untuk kelestarian PTV di sekolah menengah harian. Terdapat 20 indikator utama telah dikenal pasti melalui temubual yang

dijalankan bersama panel pakar. Seterusnya, semua indikator tersebut ditentukan melalui indeks kebolehpercayaan dalam kalangan pakar dengan menggunakan *Kohen Kappa*. Akhirnya, setiap indikator dibangunkan instrumen soal selidik bagi tujuan kajian tinjauan untuk dianalisis menggunakan *Analysis of a Moment Structures* (AMOS) bagi tujuan pembentukan model pengukuran kelestarian PTV.

Akhirnya, Bab 5 membincangkan pembentukan model pengukuran kelestarian PTV di peringkat sekolah harian. Model pengukuran kelestarian PTV ini telah dibentuk secara statistikal menggunakan AMOS. Analisis Faktor Konfirmator (AFK) yang dijalankan mendapati satu model yang memenuhi syarat AMOS. Sebanyak 13 dari 20 indikator melalui Kajian Delphi dihasilkan untuk kelestarian PTV di peringkat sekolah menengah di negara ini. Setiap indikator telah dikupas satu persatu sebagai panduan kepada institusi pendidikan teknikal dan vokasional, institut latihan kemahiran dan agensi-agensi yang terlibat dalam menjalankan program pendidikan teknikal dan vokasional.

Sektor pendidikan khususnya dalam pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) di Malaysia mengalami transformasi dalam pelbagai dimensi. Semua ini dilaksanakan demi melahirkan modal insan bertaraf global yang mempunyai daya saing tinggi dan berkemahiran. Pada 10 Jun 2010, Perdana Menteri telah membentangkan usul rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10 2011-2015) yang bertemakan ‘Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial’. Satu daripada lima teras strategik utama bagi mencapai objektif serta sasaran yang ditetapkan dalam RMK-10 ialah mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Sewaktu menghuraikan teras strategik berkenaan, Perdana Menteri turut menyentuh mengenai rancangan bagi mempertingkat arus perdana pendidikan teknikal dan vokasional. Agenda besar tersebut adalah satu langkah yang tepat untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan teknikal dan vokasional (PTV) serta para pelajarnya.


Pengulas

**Sahril bin Lariwoo**

Penolong Pengarah

Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



DWI SUWIKNYO

**Ubah Lelah Jadi Lillah**

Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn. Bhd., 2020.

ISBN 9789674815592

## ULASAN

Buku ini mengandungi enam belas bab yang secara khususnya membincangkan perihal menyeimbangkan kehidupan yang perlu dipenuhi dengan aktiviti yang bermanfaat dalam meniti kesibukan dunia kerana Allah S.W.T. Penulisan ini dibahagikan kepada tiga prinsip yang merangkumi huraihan dan contoh situasi mudah. Kisah Rasulullah S.A.W. serta lain-lain yang diberikan adalah refleksi diri bagi pembaca berfikir dan mendalami maksud yang ingin disampaikan. Prinsip pertama adalah memastikan aktiviti kehidupan mempunyai arah tujuan bagi melahirkan kesan yang positif dalam setiap urusan di dunia dan akhirat. Prinsip kedua adalah memastikan apa yang dikehendaki dan diusahakan di dunia mendapat keberkatan bagi meningkatkan nilai murni dan kualiti diri. Prinsip ketiga adalah menggalakkan usaha untuk memberi kebaikan kepada orang lain bagi diberkati dan sama-sama menikmati kejayaan. Prinsip keempat adalah niat dan tekad sebelum melaksanakan apa sahaja kerana Allah S.W.T. bagi memastikan segalanya menjadi mudah dicapai.

Penulis memulakan penulisan dengan membawa pembaca untuk memahami realiti kehidupan diri sendiri. Apabila memahami emosi, drama kehidupan, keperluan kawalan energi dalaman diri, kesedaran kemampuan diri dan keperluan berfikiran positif, seseorang itu akan mula mampu mengurus diri sendiri sebagai asas permulaan perubahan ke fasa lebih baik. Seterusnya, penulis mengingatkan tentang perkara yang harus diberi perhatian iaitu berkaitan keperluan untuk berlapang dada

atas setiap yang terjadi, beristirahat, bergurau senda, bersantai, berdua-duaan dengan-Nya dan meletakkan solat sebagai keutamaan dalam kehidupan seharian. Kesannya kepada dalam diri adalah memperolehi ketenangan di dunia dan akhirat, pengurusan kehidupan yang sistematik, dan keberkatan hidup.

Seterusnya, penulis mendedahkan kaedah-kaedah untuk berubah ke peringkat yang lebih baik. Antaranya ialah dengan membuat penetapan sasaran utama dan perkongsian cara-cara mencapai sasaran yang efektif. Apabila berpandukan jalan yang benar, ia akan menjadikan seseorang itu lebih kuat walau menghadapi pelbagai cabaran. Perubahan diri yang dibuat perlu sentiasa berterusan dan mempunyai peningkatan. Sebagus mana strategi untuk berjaya, perlu menjaga hubungan dengan Allah S.W.T., mengamalkan sunnah, mempunyai rakan sokongan dan memastikan mengikut apa yang diperintah dan meninggalkan apa yang dilarang secara konsisten.

Seseorang perlu mengoptimumkan potensi diri melalui penghasilan kerja yang produktif dengan menggunakan kemahiran dan mengaplikasi sistem tertentu yang memudahkan diri untuk berjaya. Setiap waktu adalah waktu belajar, setiap orang adalah guru dan setiap tempat adalah kelas untuk belajar. Cara belajar yang efektif adalah dengan berkongsi ilmu yang bermanfaat sesama komuniti. Masyarakat yang bertanggungjawab akan saling berlumba-lumba membuat kebaikan dengan ikhlas dan sentiasa menjaga nilai diri untuk mendapat keberkatan.

Setiap insan pasti berhadapan dengan masalah tersendiri. Masalah tidak dapat diselesaikan dengan masalah dan akan bertambah buruk apabila tidak bergantung harap dengan Allah S.W.T., tidak melakukan kebaikan, berkira dalam melakukan sesuatu, tidak berfikir panjang sebelum mengambil tindakan dan lari atau mengelak dari menghadapi ujian. Sebarang masalah pasti ada solusi iaitu dengan cara berdamai dengan ketetapan dari-Nya, berfikir dengan waras dalam keadaan sedar serta mendalam, melihat permasalahan dengan sisi baik atau positif dan menganggap masalah itu anugerah dari-Nya untuk mengangkat darjah seseorang kepada tahap yang lebih tinggi. Sebaik-baik waktu seseorang itu adalah apabila menyedari kebergantungan diri kepada Allah S.W.T. dan betapa hina dirinya itu.

Seorang yang bijaksana sentiasa memerlukan Allah S.W.T. dan hanya berasa tenang apabila bersama-Nya. Rasulullah S.A.W. menganjurkan supaya melakukan sesuatu dengan sebaik-baiknya iaitu dengan mengutamakan kualiti dalam apa sahaja yang ingin dilakukan.

Pengakhiran penulisan, penulis mengajak pembaca merenung kehidupan yang bermula dengan diri sendiri dan lain-lain aspek yang di luar kesedaran untuk dipenuhi sebaik-baiknya. Saling berkasih sayang akan membuatkan seseorang itu bahagia dan mempunyai kekuatan jiwa untuk melangkah berjuang bertemu dengan Allah S.W.T. Yakin dengan rahsia selepas kematian dengan memastikan amal kebaikan yang berkualiti akan menjadi penyelamat seorang muslim.

Saya sebagai seorang pengulas amat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca daripada pelbagai peringkat umur terutamanya kepada mereka dalam memenuhi kehendak pekerjaan, memperuntukkan masa berkualiti bersama keluarga, penjagaan kesihatan diri dan hubungan dengan Maha Pencipta. Fakta yang disertakan dengan penerangan yang jelas, contoh dan dalil dari al-Quran yang digunakan oleh penulis mampu menarik minat pembaca selain memberikan soalan refleksi diri dan penjelasan yang mudah difahami oleh masyarakat awam. Kesimpulannya, kandungan buku ini sangat bermanfaat dan penting untuk dibaca oleh semua individu dalam mencapai kehidupan yang berkualiti di dunia dan akhirat yang kekal abadi.


Pengulas

**Nor Shamsinar binti Baharom**

Penolong Pengarah

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



MUHAMMAD IBN SULAIMAN AL-JAZULI  
**Dala'il Al Kayrat : Terjemahan Bahasa Melayu**  
Johor Bahru, Johor: At Tariq Resources &  
Consultancy Sdn Bhd, 2020.  
ISBN 9789671876602

## ULASAN

Kitab Dala'il Al Khayrat merupakan karya agung Imam Muhammad Ibnu Sulaiman Al-Jazuli yang termasyhur di dunia. Karya masyhur Imam Al Jazuli ini bukan sahaja terkenal di dunia Islam tetapi juga disimpan sebagai khazanah antik dan berharga di muzium-muzium di barat. Kitab yang berusia dalam lingkungan 600 tahun ini ditulis beliau di sebuah madrasah, Madrasah Al-Saffarin yang terletak di belakang Universiti Al Qarawiyyin (university tertua di dunia), Fez, Maghribi. Beliau mengarang karya yang penuh dengan pancaran cahaya kumpulan selawat dan salam kepada baginda Nabi yang terulung dan tercinta, Rasullullah S.A.W. mengikut hari dengan doa-doa tertentu.

Imam al-Jazuli atau nama penuhnya Muhammad bin Sulaiman dilahirkan di daerah Jazulah, sebuah daerah di negara Maghribi. Beliau merupakan seorang ulama yang terunggul pada zamannya dan beliau berketurunan Nabi Muhammad melalui nasab Sayyid Idris bin Abdullah bin al-Hasan al-Muthanna bin Hasan bin Sayyidina Ali bin Abi Talib, suami Sayyidah Fatimah binti Sayyidina Muhammad S.A.W.

Imam Al Jazuli menekankan kepentingan berselawat ke atas Rasulullah S.A.W. sebagai tanda cinta, sekali gus mengikuti teladan Baginda. Cinta Imam Al

Jazuli terhadap Rasulullah S.A.W. adalah menerusi pena beliau yang merangkapkan kalam-kalam selawat yang penuh dengan mahabbah Rasul dan puji-pujian kepada Allah S.W.T. Rangkap selawat yang telah diterjemah ini boleh direnung, dinikmati dan dihayati oleh para pembaca yang memahami Bahasa Melayu.

Kitab Dala'il al-Khayrat mengandungi pecahan-pecahan (hizb) untuk dibaca mengikut hari. Terdapat lapan hizb untuk diamalkan selama lapan hari berturut-turut. Pada zaman Kerajaan Uthmaniyyah, pembacaan dilakukan pada hari Isnin sehingga hari Isnin minggu seterusnya. Sementara di Kashmir pembacaan bermula hari Jumaat sehingga hari Jumaat minggu seterusnya. Antara selawat-selawat yang dikarang di dalam kitab Dala'il al-Khayrat ialah Selawat Ibrahimiyah, Selawat Imam asy-Shafi'i, Selawat Munjiya, dan Selawat Ulul Azmi.

Imam al-Jazuli telah menghimpunkan 201 nama dan gelaran dari sumber yang sahih yang dinisbahkan ke atas Nabi Muhammad S.A.W. Antara nama-nama Nabi Muhammad S.A.W. ialah al-Mahi, al-Hasyir, al-'Aqib, al-Mutawakkil, al-Muqaffi, Nabiyu at-Taubah, Nabiyu al-Marhamah, Nabiyu al-Malhamah. Karya agung Imam Al Jazuli yang diterjemahkan dalam Bahasa Melayu untuk kita menikmati keindahan, kenikmatan dan keberkatan berselawat kepada Rasulullah S.A.W. Ia dapat mendekatkan diri kepada Rasulullah S.A.W. dengan meningkatkan kasih sayang kita kepada baginda.

Nabi Muhammad S.A.W. adalah seorang Nabi dan Rasul yang merupakan pemberi syafaat kepada umatnya di akhirat kelak. Inisiatif untuk meningkatkan kasih sayang kita kepada junjungan mulia, Nabi Muhammad S.A.W. menjadikan kita lebih banyak berselawat agar suatu hari nanti, baginda Nabi lebih mengenali kita. Buku terjemahan ini sengaja disusun secara sederhana dengan harapan ia mudah dibawa, ringan dibaca dan mudah diamalkan oleh semua golongan semasa waktu kesibukan. Moga kita bersama menyambut seruan Allah S.W.T. untuk berselawat atas Rasulullah S.A.W.


“Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Malaikatnya bershalaawat untuk Nabi. Hai orang-orang yang beriman, bershalaawatlah kamu dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.” (Al-Ahzab:56)

Semoga segala usaha kita untuk mengingati baginda Nabi diterima oleh Allah S.W.T sebagai amal jariyah dan moga Rasulullah S.A.W. tersenyum kegembiraan atas usaha penerbitan kitab ini. Moga kitab ini akan memberi manfaat kepada para pembaca budiman untuk terus berselawat kepada Rasulullah S.A.W. sebanyak mungkin sebagai bekalan hidup kita di akhirat yang abadi.

Pengulas

**Wan Nurul Azeantie Wan Ab Halim**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



BASRI IBRAHIM AL-AZHARI  
**Adat dan Persepsi Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam**  
Cyberjaya, Selangor: Universiti Islam Malaysia,  
2019.  
ISBN 9789671683811

## ULASAN

Buku ini mengandungi empat bab yang secara khususnya membincangkan tentang sebahagian daripada adat dan persepsi yang dipegang oleh masyarakat Melayu menurut perspektif Islam. Dalam membincangkan dan menghuraikan adat-adat melayu, penulis telah tampil dengan pelbagai penjelasan bagi membolehkan umat Islam membezakan antara adat dan persepsi yang boleh diterima dan tidak boleh diterima lagi dalam arus kehidupan moden pada zaman ini.

Dalam bab pertama, penulis memberi pendedahan awal kepada para pembaca untuk memahami latar belakang adat yang menerangkan tentang pengertian adat, tujuan adat, pembahagian adat, hubungan adat Melayu dengan syarak, adat menurut perspektif islam, adat berbentuk perbuatan dan perkataan, adat yang baik dan yang rosak, kedudukan adat yang baik dan menjelaskan perubahan adat yang boleh mengalami perubahan akibat pengaruh gaya hidup daripada masyarakat lain atau lain-lain. Penulis juga menerangkan adat dalam masyarakat Melayu bertujuan untuk membina masyarakat yang sejahtera dan ia mempunyai empat bahagian iaitu adat sebenar, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat. Manakala dalam Islam perbahasan tentang adat dan

pantang larang dimasukkan ke dalam perbahasan tentang Uruf yang membawa maksud sesuatu yang menjadi kebiasaan masyarakat dan selalu dilakukan dalam kehidupan sehari-hari mereka baik berbentuk perkataan maupun perbuatan.

Adat dikatakan boleh berbentuk perkataan dan perbuatan. Ia melibatkan adat yang umum dan juga adat yang khusus dan juga adat yang baik dan adat yang tidak baik. Contoh adat yang baik seperti memberi salam ketika bertemu dengan sesama saudara Islam meskipun ia bersifat sunat dan bukan wajib, namun ia tidak boleh diubah dengan ucapan *good morning* dan seumpamanya kerana ucapan salam itu merupakan satu sunnah dan mendapat pahala kepada orang yang melakukannya.

Bab dua, penulis menghuraikan lebih lanjut tentang adat Melayu menurut perspektif Islam seperti adat berkaitan kunjungan ke rumah orang lain, adat berkaitan kehamilan, adat berkaitan perkahwinan dan adat berkaitan kematian. Antara adat berkaitan kunjungan ke rumah orang lain yg disentuh oleh penulis ialah adat Melayu perlu mengambil hidangan yang berhampiran dahulu dan menurut perspektif Islam telah dijelaskan di dalam hadis Sahih: al-Bukhari: 4957 yang menerangkan makanlah makanan yang terlebih dekat terdahulu dan menurut Syeikh al-Mubarakpuri (t.th.5:480) mengambil makanan yang melibatkan satu jenis makanan atau lauk sahaja daripada tempat yang jauh atau tempat orang lain menggambarkan cara interaksi yang buruk dan menjatuhkan maruah orang yang mengambil makanan itu sendiri. Hal ini kerana kemungkinan orang yang jauh itu merasa jijik dengan perbuatan individu berkenaan seperti hidangan roti dan lauk pauknya. Tetapi jika hidangan itu melibatkan buah-buahan yang lain boleh mengambil makanan yang jauh dan tidak ada kesalahan untuk berbuat demikian.

Penulis menerangkan latar belakang persepsi dalam bab tiga yang menceritakan lebih lanjut tentang pengertian persepsi, tujuan persepsi, ciri-ciri persepsi, faktor yang mempengaruhi persepsi, persepsi menurut perspektif Islam

dan batasan persepsi. Persepsi dikatakan dibina berdasarkan antara pesanan orang tua-tua masyarakat Melayu, pemerhatian ke atas peristiwa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari, nasihat bomoh dan juga menerusi media sosial. Persepsi yang dibina ada yang benar dan tidak benar ia lebih kepada tanggapan kosong tanpa sebarang bukti. Namun masih ada segelintir masyarakat yang mengambil serius dan tidak akan melakukan apa-apa sahaja yang berada dalam persepsi mereka, kerana bimbang akan terjadi perkara yang buruk atau perkara yang tidak dingini dalam hidup mereka. Dalam ayat al-Israq 17:36 Allah S.W.T mengingatkan kita agar melakukan persepsi terhadap sesuatu berdasarkan ilmu pengetahuan dan rujukan kepada ahli dan mereka yang pakar, kerana pancaindera akan diminta bertanggungjawab kelak terhadap apa saja yang dipersepsikan kerana itu ia perlu dijaga dengan baik. Itu sahaja persepsi yang diterima oleh Islam dan selain dari itu ditolak. Fungsi daripada kaedah Islam disini adalah sebagai kawalan persepsi agar tidak melenceng daripada konsep Islam.


Bab terakhir karya ini, penulis mengupas mengenai persepsi masyarakat Melayu menurut perspektif Islam. Terdapat 25 persepsi masyarakat Melayu terhadap kehidupan yang dikupas. Antara persepsinya adalah mandi pada waktu malam menyebabkan paru-paru berair, duduk di atas bantal menyebabkan bisul, mengintai menyebabkan ketumbit, bercukur menyebabkan rambut tumbuh lebih cepat dan kasar, mandi selepas makan menyebabkan perut buncit, menahan kencing menyebabkan batu karang, meracau disebabkan hantu hutan, wanita didatangi haid tidak boleh bersukan, bayi baru lahir perlu dibedung, air kelapa meneutralkan racun, sup ketam menyembuhkan demam denggi, makan kepala ikan menyebabkan kebodohan, makan kicap menyebabkan berparut dan lain-lain. Berdasarkan keterangan didapati persepsi masyarakat Melayu terhadap kehidupan berdasarkan isu-isu yang dibahaskan di atas lebih berbentuk mitos dan bukanlah perkara benar yang boleh dipegang kukuh. Misalnya kencing berbuih petanda penyakit buah pinggang namun ia lebih berbentuk petanda awal sahaja dan bukan benar-benar petanda seseorang itu terkena penyakit buah pinggang.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca dari semua peringkat umur kerana ia mengupas tentang sebahagian daripada adat dan persepsi Islam bagi membolehkan umat Islam membezakan antara adat dan persepsi yang boleh diterima dan tidak boleh diterima lagi dalam arus kehidupan moden pada zaman ini. Penerangan disertakan dengan ayat al-Quran dan hadis bagi mudah difahami oleh masyarakat Melayu. Kesimpulannya, buku ini sangat berguna dan sesuai untuk dijadikan bahan bacaan pencinta ilmu, adat dan budaya masyarakat Melayu.

Pengulas

**Syarifah Azmirina binti Syed Baniamin**  
Penolong Pengarah  
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



PROFESOR MADYA DR. CHE ZARRINA SA'ARI, DR. SHARIFAH BASIRAH SYED MUHSIN, SITI NASUHAH BAHRUDIN  
**Peranan Sufisme Dalam Psikospiritual :  
(Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sufisme Dalam Psikospiritual 2021)**  
Johor Bharu: Arg Training & Consultancy, 2021.  
ISBN 9789671522370

## ULASAN

Buku ini mengandungi tiga (3) bab yang menyentuh tentang peranan sufisme dalam psikospiritual. Hari demi hari, tekanan perasaan, depresi, *bipolar disorder*, ketagihan dadah mahupun maksiat, *anxiety disorder*, kemurungan dan pelbagai lagi masalah-masalah berkaitan mental bertambah dan dilihat sebagai masalah yang membimbangkan di zaman moden ini.

Penulis-penulis mengetengahkan tajuk sufisme dalam psikospiritual: antara teori dan praktis dalam bab satu (1). Tasawuf atau turut dikenali sebagai Sufisme (*Sufism*) adalah satu cabang ilmu Islam yang telah diperakui kesahihannya. Nama tasawuf telah dikenali selepas berlakunya pengelasan ilmu dalam Islam, namun hakikatnya, amalannya telah pun dimulai dan diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. sendiri serta diteladani oleh para sahabat Baginda yang dikenali sebagai ilmu ihsan, ilmu batin, ilmu dalam hati (*'ilm fi al-qalb*) dan sebagainya. Terdapat tiga (3) terapi psikospiritual Islam iaitu terapi iman, terapi ibadah dan terapi tasawuf/sufistik. Ilmu psikospiritual Islam adalah suatu yang penting untuk dikuasai oleh umat Islam kerana ia mampu membawa kepada kefahaman individu kepada tugas konsep psikologi manusia menurut perspektif Islam. Penguasaan ilmu ini juga memerlukan kepada asas ilmu fardhu ain iaitu ilmu aqidah dan ilmu fiqh serta ilmu tasawuf.

Bab dua (2) dalam buku ini menekankan tentang terapi psikospiritual terhadap masalah depresi. Istilah masalah adalah amat sinonim bagi manusia. Ia lahir akibat dari perbezaan konflik dalam diri seorang itu yang dicetuskan oleh pelbagai punca dan faktor. Salah satunya adalah ketidakstabilan jiwa serta kesedihan akal yang boleh melahirkan penyakit jiwa seperti keresahan, kegelisahan dan kemurungan. Permasalahan yang wujud di dalam diri manusia perlu dibendung jika tidak ia akan bertambah teruk dari sudut kesihatan lahiriah dan jasmaniah. Oleh itu, terdapat alternatif bagi menangani dan merawat masalah khususnya kepada penyakit jiwa kemurungan iaitu dengan jalan Tasawuf ini yang bukan sahaja dalam bentuk teori semata, malah juga melibatkan praktikal-praktikal yang amat relevan bagi menangani masalah yang melibatkan spiritual dan kejiwaan. Tasawuf mempunyai pelbagai konsep di dalamnya yang boleh dijadikan sebagai elemen Psikoterapi Islam di antaranya ialah dengan penghayatan elemen *maqamat*, *mujahadah al-nafs*, zikir dan banyak lagi.

Keperluan kaedah sufisme dalam rawatan psikospiritual: pengalaman kes-kes rawatan terhadap wanita merupakan bab yang terakhir yang diketengahkan oleh penulis-penulis buku ini. Keperluan kaedah *Sufism* dalam rawatan psikospiritual adalah penting dalam merawat pelbagai penyakit zahir dan batin seseorang individu. Terapi kejiwaan atau kaedah *Sufism* yang telah diwarisi daripada Rasulullah S.A.W., kemudian para sahabat kepada *tabi'iin* kepada *tabi'ut- tabi'iin* hingga orang-orang soleh yang hidup pada hari ini seharusnya diambil perhatian serta diamalkan sebaik mungkin. Tambahan pula, kaedah atau strategi yang disusun oleh ulama sufi adalah selari dengan Al-Quran dan Sunnah. Penghayatan dan tujuan hidup manusia ialah mahu menjadi sebaik-baik hamba Allah S.W.T. Selain itu, keberkesanan untuk penyakit kejiwaan itu untuk sembuh juga berkait rapat dengan ketakwaaan dan tawakal seorang perawat. Seorang alim yang mampu membimbangi amalan taubat mestilah mempunyai ilmu yang lengkap, bukan hanya ilmu di lidah tetapi mestilah ada di hati dan di dalam roh agar berbagai nasihat dan tunjuk ajar masuk ke dalam telinga sampai ke dalam hati dan roh. Orang alim ini dalam ilmu dan amalan tasawuf dikenali sebagai seorang arif atau seorang muhsin atau *ulu al-albab*. Orang inilah yang mampu menjadi mentor yang sebaik-baiknya memberikan bimbingan mengikut kaedah Islam yang sebenar

Rasulullah S.A.W. pernah menegaskan bahawa sebaik-baik orang alim yang perlu kita dampingi selalu mendapat nasihat dan bimbangannya ialah seorang alim yang mempunyai tiga ciri iaitu i) bila dilihat menjadikan hati orang yang melihatnya ingatkan Allah S.W.T., ii) kata-katanya menambahkan ilmu orang yang mendengarnya dan iii) amal perbuatan dan tingkah lakunya mendorongkan hati seseorang gemar kepada akhirat. Orang alim yang mempunyai ciri ini akan berjaya memberi bimbingan menerusi dua saluran bimbingan iaitu *bi lisan al-maqal* (bimbingan dengan kata nasihat) dan *bi lisan al-hal* (bimbingan dengan tingkah laku). Shaikh Ibrahim al-Bajuri yang pernah menjadi naib Canselor Universiti Al-Azhar semasa hidupnya pernah menegaskan bahawa seribu orang pendakwah yang berdakwah hanya kepada seorang sahaja menerusi dakwah *bi lisan al-maqal* belum tentu dapat merubah seorang yang didakwah oleh mereka itu. Sebaliknya, seorang pendakwah yang menggunakan dakwah *bi lisan al-hal* di samping dakwah *bi lisan al-maqal* akan berjaya walaupun orang didakwahnya itu seramai seribu orang.

Selaku pengulas, saya sangat mengesyorkan buku ini kepada semua pembaca yang ingin mencari alternatif-alternatif rawatan berkenaan psikologi yang selari dengan syariat Islam menggunakan kaedah khazanah Islam iaitu sufisme. Buku ini bukan hanya pandangan penulis-penulis sahaja, tetapi mereka membuat rujukan daripada ahli-ahli yang pakar di setiap bab yang boleh dijadikan rujukan kepada pembaca.

Pengulas

**Shahruhaida Adayu Mohd Paili**  
Penolong Pengarah  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## SINOPSIS BUKU



### Dinamika Suku Bajau Laut di Semporna, Sabah.

Kota Kinabalu, Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2020.  
ISBN: 9789672962052

Suku Bajau Laut juga dikenali dengan pelbagai nama atau terminologi seperti Sea Gypsies, Sea Nomads, Boats People, Sama DiLaut, Orang Sama-Bajau dan sebagainya. Buku ini menghimpunkan beberapa bab berkenaan suku Bajau Laut di Semporna, Sabah yang merangkumi aspek pensejarahan, pola petempatan, kebudayaan dan kepercayaan yang merangkumi aspek bahasa, pendidikan serta taraf sosioekonomi mereka. Para Sarjana dalam penulisan mereka sering kali menggambarkan suku ini sebagai orang tanpa negara (stateless people), pendatang tanpa izin (PATI), hidup terbiar, miskin, tidak berpendidikan dan tidak mempunyai hala tuju. Buku ini cuba merungkai dengan mengambil kira perspektif pelbagai disiplin ilmu sains sosial dan memahami serta mendalami masyarakat yang sudah sekian lama bertapak di pantai timur Sabah khususnya di Semporna.


## SINOPSIS BUKU



**COVID-19 dan Realiti Baharu Organisasi dan Manusia.**  
Kota Samarahan, Sarawak:  
Universiti Malaysia Sarawak,  
2020.  
ISBN: 9789672298496

Pandemik COVID-19 merupakan pandemik abad ke-21 yang menggengarkan seluruh dunia. Ia merupakan wabak global yang disebabkan oleh sindrom pernafasan akut yang teruk. Wabak ini pertama kali dikenal pasti di Wuhan, China pada Disember 2019. Virus ini merebak dengan beberapa cara melalui titisan yang dihasilkan ketika orang yang dijangkiti batuk, bersin atau menghembus nafas. Pandemik ini meninggalkan kesan yang amat besar kepada seluruh aspek kehidupan dan tamadun manusia. Buku ini menghimpunkan pandangan dan perspektif cendiakawan dalam kepakaran masing-masing yang mampu mencetus daya fikir minda serta membuka mata manusia kepada ujian Tuhan. Virus ini menguji manusia bagi mencari cara mengurus dan menangani isu dengan tatacara, prosedur, gaya serta tingkah laku manusia untuk beradaptasi dengan norma baharu yang tidak diketahui noktahnya.

## SINOPSIS BUKU



DATU HAJI ABG. MOHD.  
SHIBLI HAJI ABG. MOHD.  
NAILIE


**Menyemai Fikiran Positif  
Dalam Diri : Rakan Zakat  
Anda**

Kuching, Sarawak: Koperasi Al-Bait Sarawak Berhad, 2020.

ISBN: 9789671783108

Buku ini merupakan kesinambungan penulisan berbentuk artikel yang berkaitan dengan kepentingan kefarduan berzakat dan berwakaf serta beberapa aspek lain berhubung dengan penerapan nilai-nilai kehidupan untuk dijadikan panduan kepada semua lapisan masyarakat. Buku ini memuatkan 49 artikel berhubung isu-isu semasa yang berkaitan yang boleh dijadikan rujukan para pembaca. Judul "Menyemai fikiran positif dalam diri" ini bertujuan untuk menyemai kekuatan dalam diri supaya manusia bersedia menghadapi apa jua cabaran dan ujian jika hendak berjaya di dunia dan akhirat. Ini adalah bagi memastikan ilmu zakat, sadaqah dan wakaf dapat mengajak manusia kepada nilai-nilai murni dalam kehidupan serta dapat memberi manfaat kepada pembaca secara lebih meluas dan berterusan.


## SINOPSIS BUKU



NURUL HUDANI MD. NAWI  
**Psikologi Sosial Daripada  
Individu Kepada Sosial**  
Kota Kinabalu, Sabah:  
Penerbit Universiti Malaysia  
Sabah, 2020.  
ISBN: 9789672166931

Ilmu psikologi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian kerana melalui ilmu ini seseorang individu dapat menyelami segala permasalahan dan juga persoalan yang dihadapi serta cuba menyelesaikan segala permasalahan tersebut dengan bijaksana. Ilmu psikologi merupakan ilmu yang sangat luas merangkumi persoalan individu, bermula dengan kelahiran sehingga kematian dan juga hal yang berkaitan dengan masyarakat. Antara bab-bab yang terkandung adalah pengenalan kepada psikologi sosial, kumpulan dan masyarakat, sikap dan personaliti, tingkah laku prososial, prejudis dan diskriminasi, pengaruh, pujukan dan perubahan sikap, budaya dan masyarakat, afiliasi, penarikan dan cinta. Ia ditulis dalam bahasa yang mudah difahami khususnya kepada pelajar psikologi dan mereka yang berminat kepada aspek asas psikologi dan dapat membantu menjalani kehidupan seharian dengan lebih sempurna dan bermakna.


## SINOPSIS BUKU



BAHAGIA JAMALI  
**The Missing Chapter of Kurus**  
Johor Bahru, Johor: My Bodywork, 2021.  
ISBN: 9789671951002

Buku “*The Missing Chapter of Kurus*” ini adalah berkaitan topik senaman dan pemakanan di dalam proses pengurusan berat badan yang dikumpulkan oleh penulis di laman sosial iaitu *Facebook*. Ia menceritakan isu yang jarang dibangkitkan dalam proses tersebut. Penulisan adalah berdasarkan pengalaman klien dan juga kajian-kajian yang didapati ketika penulis melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Sains Sukan yang menggunakan analogi dan bahasa yang mudah dalam penyampaian. Terdapat 20 strategi dan satu (1) strategi bonus yang terkandung di dalam buku ini yang mana ia berkongsi tip dan cara penyelesaian bagi setiap topik yang dibangkitkan. Antara strategi tersebut adalah dari segi pemakanan, senaman dan sebagainya bagi dijadikan panduan dan penjelasan dari segi sains sepanjang proses penurunan berat badan dan kesihatan amnya.

## SINOPSIS BUKU




ROSLINA MAT YAZID, NIK MARZUKI SIDIK, FAREED SAIRI

**Pencemaran Petroleum & Kemandirian Tumbuhan**  
Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.  
ISBN: 9789674129989

Adakah anda prihatin dengan masalah gangguan alam sekitar yang melibatkan tumbuh-tumbuhan? Dalam zaman teknologi yang semakin meningkat, masalah ini semakin berleluasa. Sehubungan dengan itu ancaman terhadap kepelbagaiannya biologi akibat daripada pencemaran alam sekitar semakin membimbangkan. Dengan teknologi yang dinamakan bioteknologi tumbuhan, pelbagai persoalan mengenai masalah gangguan sistem tumbuhan dapat dirungkai. Buku ini menghuraikan tentang kepentingan bioteknologi tumbuhan dalam merungkaikan segala isu yang berkaitan dengan gangguan sistem tumbuhan. Penerokaan kepada ilmu mengenai bioteknologi tumbuhan dalam kehidupan manusia akan memberikan banyak manfaat kepada masyarakat dan negara. Oleh itu melalui penulisan buku ini, pembaca akan didedahkan kepada kepentingan bioteknologi tumbuhan dalam kemandirian tumbuhan di persekitaran yang mengalami pencemaran petroleum.

## SINOPSIS BUKU



### **Acute Management of Facial Soft-Tissue Wounds**

Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020.  
ISBN: 9789672429487

The face is a significant component of how we trace our identity, with intricate vasculature and musculature and anatomical landmarks. Soft-tissue injuries from trauma may lead to irreversible deformities or scarring with adverse physical and psychosocial effects. *The Acute Management of Facial Soft-tissue Wounds* is a book produced by a multi-disciplinary team in Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Centre (UKMMC) to address trepidation surrounding the approach of facial injuries and to standardize the overall acute management of facial-tissue wounds. This book is designed to provide a holistic understanding of all aspects of facial wound management from all teams involved in the acute setting; by understanding and applying the fundamental principles of managing various permutations of facial wounds, from wounds that can safely managed in the Emergency Department, up to referrals to specialized teams.

## SINOPSIS BUKU




WAN MUAZAH MGT AZIZI,  
AZLIN ALISA AHMAD  
**Saham Kontra : Qabd dan  
Spekulasi Menurut Perspektif  
Islam**

Bangi, Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
2020.  
ISBN: 9789672388272

Percambahan penawaran produk Syariah sama ada dalam sektor perbankan dan takaful, mahupun sektor pelaburan dan pengurusan dana berkembang dengan pesat terutamanya di Malaysia. Namun sektor konvensional juga tidak kurang hebat, kepesatannya dilihat semakin rancak kerana tiada garis panduan syariat yang mengikat pengamalannya. Oleh kerana produk kewangan dan permodalan Islam baru diperkenalkan, boleh dikatakan masyarakat kurang yakin serta tidak cakna dengan pengeluaran produk ini. Begitu juga dengan pelaburan saham, ramai yang ingin mengaut keuntungan tanpa mengetahui hukum hakam serta halal haram sesuatu produk pelaburan. Buku ini membincangkan mengenai saham kontra yang diamalkan di pasaran saham Malaysia dari sudut syarak. Saham kontra ialah transaksi jual beli saham yang tidak memerlukan modal, malah boleh dipinjam daripada broker. Urus niaga berlaku dalam tempoh empat hari ( $T+3$ ) yang membenarkan pelabur menjual saham pada hari pertama transaksi ( $T$ -day), sedangkan serah terima ( $qabd$ ) saham ke dalam akaun pelabur hanya akan berlaku pada hari terakhir transaksi ( $T+3$ ).

## SINOPSIS BUKU



SITI AISYAH MUHAMAD,  
AHAMAD ASMADI SAKAT,  
MOHD ARIF NAZRI  
**Penggunaan Hadis Dalam  
Mushaf Terjemahan al-Quran  
al-Haramain**  
Bangi, Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
2020.  
ISBN: 9789674129651

Buku ini digunakan sebagai rujukan bagi kegunaan para sarjana pengajian Islam yang mahu mengetahui metode penggunaan hadis dalam Mushaf Terjemahan al-Quran al-Haramain (MTQH). Sehingga kini, tiada buku rujukan lengkap yang menggariskan kriteria metode penggunaan hadis dalam sesuatu karya. Oleh yang demikian, sukar untuk mengetahui metode yang diterima dan ditolak ketika menggunakan hadis. Justeru, buku ini menyediakan 13 kriteria metode penggunaan hadis MTQH yang dierima dan ditolak. Diharapkan buku ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada golongan sarjana tetapi juga masyarakat umum yang berminat untuk mengetahui metode penggunaan hadis dalam MTQH dan memahami tafsiran ayat-ayat al-Quran pilihan. Selain itu, buku ini juga memberi gambaran perkembangan penggunaan hadis pada zaman Rasulullah S.A.W. masih hidup dan selepas kewafatan baginda.


## SINOPSIS BUKU



SYEIKH 'ALAWI B. 'ABD AL-QADIR AL-SAQQAF  
**Kullu Bid'ah Dalalah**  
Ampang, Selangor: Wani Hamzah Enterprise, 2020.  
ISBN: 9789671854204

Selaku negara yang didominasi ulama-ulama beraliran Salafi yang berpegang kepada pendapat setiap bidaah adalah sesat, Arab Saudi digemparkan dengan tindakan Dr. Abd al-Llah al-Arfaj, ulama Arab Saudi yang beraliran Ash'ari-Sufi menulis buku *Mafhum al-Bid'ah* bagi menyokong pendapat yang bertentangan. Menariknya, al-Arfaj cuba membuktikan kesalahan pendapat setiap bidaah sesat menggunakan perbezaan antara fatwa dan pendapat ulama-ulama Salafi khususnya dari Arab Saudi sendiri dalam masalah furuk. Keadaan ini memaksa Syeikh 'Alawi al-Saqqaf daripada aliran Salafi menulis buku *Kullu Bid'ah Dalalah* ini bagi menjawab kritikan-kritikan Dr. Abd al-Llah al-Arfaj. Tidak beberapa lama kemudiannya, jawapan Syeikh Alawi al-Saqqaf disambut dengan penghujahan balas oleh Dr. Abd al-Llah al-Arfaj dalam cetakan kedua buku *Mafhum al-Bid'ah*. Syeikh Alawi al-Saqqaf tidak mahu mengalah, malah mengkritik semula Dr. Abd al-Llah al-Arfaj dalam mukadimah cetakan kedua buku *Kullu Bid'ah Dalalah*. Sebagai karya ulama Salafi dari Arab Saudi, dan pula ditulis sebagai jawapan ke atas kritikan lawan, *Kullu Bid'ah Dalalah* harus dibaca dan dihayati bagi mereka yang mahu memahami prinsip ulama-ulama Salafi berhubung konsep bidaah secara adil dan insaf.


## SINOPSIS BUKU



KALSON TAIB  
**Makanan Warisan Malaysia :  
Resipi Masakan Autentik dan  
Tradisional**  
Kuala Lumpur: Kalsom Taib  
Publishing, 2021.  
ISBN: 9789675859083

Kepelbagaian yang menarik tentang masakan Malaysia dipersembahkan dalam buku *Makanan Warisan Malaysia : Resipi Masakan Autentik dan Tradisional*. Buku ini merupakan kompilasi 230 resipi yang memperlihatkan rasa dan tekstur makanan Malaysia yang unik dan menempatkannya antara masakan dunia yang amat menarik dan beraneka pilihan. Buku ini bukanlah buku masakan biasa. Ianya meraikan kepelbagaian kaum dan budaya tradisi masakan luar biasa yang terhasil daripada gabungan pelbagai golongan etnik, agama, budaya dan tradisi di Malaysia yang terdiri daripada orang Melayu, Cina, India, Borneo serta pengaruh dari tradisi masakan Jawa, Bugis, Belanda, Portugis, British, Arab, Turki, Sri Lanka, Peranakan, Thai dan sebagainya. Kesemua 230 jenis juadah dan resipi masakan dibahagikan kepada 6 bab meliputi lauk pauk yang dihidangkan bersama nasi untuk makanan harian, pelbagai cara penyediaan nasi, aneka mi istimewa dari pelbagai negeri, sarapan pilihan, pelbagai kuih-muih, manisan dan kudapan serta minuman yang menyegarkan.


## SINOPSIS BUKU



TOTOK AIDIL SUBAGIO,  
HASAN SUYAT  
**Yok Ngomong Jowo! :  
Belajar Asas Bahasa Jawa**  
Klang, Selangor: Malaha Plt,  
2021.  
ISBN: 9789672424130

Bahasa Jawa merupakan bahasa penting imigran dari Jawa iaitu nenek moyang orang Jawa Malaysia. Melalui buku ini, pembaca akan dapat mula berkomunikasi dalam bahasa Jawa. Walaupun ada banyak bahan rujukan yang telah diterbitkan meliputi topik ini, namun kebanyakannya ditulis dalam bahasa Indonesia. Bahan bacaan berkaitan bahasa Jawa dalam bahasa Melayu yang difahami rakyat Malaysia sangat terhad. Justeru, buku ini merupakan satu usaha untuk menyediakan pembacaan versi bahasa Melayu dengan susunan yang sistematik, menyeluruh serta mesra pembaca mengenai bahasa Jawa. Malah penyampaian buku adalah khas buat rakyat Malaysia khususnya yang berbangsa dan berketurunan Jawa serta dilengkapi dengan infografik dan gambaran yang jelas berserta contoh. Bahasa Jawa di Malaysia kini di ambang kepupusan. Etnologue meletakkan status bahasa Jawa di Malaysia sebagai *Moribund* yang bermakna hampir mati. Atas sebab itu, buku ini diterbitkan dengan laras bahasa yang lebih mudah bagi membolehkan pembaca dari segenap lapisan dan peringkat umur menguasai bahasa Jawa.


## SINOPSIS BUKU



WAN MOHD DASUKI WAN HASBULLAH  
**Senjata Api Alam Melayu**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.  
ISBN: 9789834928261

Buku ini membincarkan teknologi lampau senjata api orang Melayu sejak kurun ke-16 Masihi. Senjata api yang digunakan oleh orang Melayu pada zaman lampau menunjukkan bangsa Melayu ialah bangsa yang hebat dan pandai mengadaptasi teknologi untuk kegunaan dalam perang bersenjata bagi mempertahankan tanah air. Bertepatan dengan ilmu bedil Melayu, pendekar tembak Melayu bukan sahaja belajar cara membuat dan mengendalikan senjata api, malah mereka mampu mengadaptasi dan mengolah teknologi senjata api mengikut kebudayaan sendiri. Buku ini menjadi harapan untuk memperkemas gambaran etnosejarah yang perlu diberi perhatian secara menyeluruh dalam usaha untuk memahami pemikiran dan ilmu pengetahuan, terutama cara orang Melayu berinteraksi dengan teknologi dan menerimanya dalam pandangan dunia sendiri.


## SINOPSIS BUKU



**Antologi Cerpen Ahli Perubatan : Isteriku 46 XY**  
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2020.  
ISBN: 9789834929350

Antologi cerpen ini memuatkan 23 buah cerpen yang mengetengahkan pelbagai persoalan dan kisah hidup masyarakat yang digarapkan daripada pengalaman merawat pesakit, bahkan ada juga berdasarkan kisah benar sendiri. Selain itu, para penulis juga memaparkan kisah yang boleh dijadikan rujukan kepada para pembaca bagi menangani permasalahan yang dibangkitkan berkaitan dengan pelbagai penyakit. Cerpen "Betulkah Telahan Ouro, 'Tompok Autisme!'", cerpen berbentuk satira yang mengetengahkan kisah kehidupan pesakit autisme, melalui watak dua ekor kucing, Ouro dan Tompok. Begitu juga dengan cerpen "Maafkan Abah Terpaksa Merantai Kakimu" yang memaparkan kisah Ahmad yang mempunyai seorang anak yang menghidap penyakit bipolar. Secara tak langsung, antologi cerpen ini mengetengahkan isu semasa dan fakta berkaitan dunia perubatan yang disampaikan secara kreatif.

## SINOPSIS BUKU



MUHAMAD FAIRUZ ALI, CHE RADIAH MEZAH, MOHD SHAUQI OTHMAN

### Kesantunan Bahasa Dalam al-Quran

Kuantan, Pahang: Penerbit KUIPSAS, 2021.

ISBN: 9789671726839

Al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi panduan kepada seluruh umat Islam. Mesej yang disampaikan melalui bahasa yang digunakan menggambarkan hikmah dan ilmu yang melimpah untuk para pembaca. Salah satu aspek terpenting adalah penggunaan bahasa yang indah dan sesuai bagi memastikan kejayaan penyampaian mesej di dalamnya. Justeru, penulisan ini dilakukan untuk melihat pendekatan kesantunan bahasa dalam al-Quran agar menjadi contoh kepada para pendakwah dan masyarakat dalam menggunakan bahasa yang sopan dan baik kepada para mad'u. Buku ini memaparkan beberapa contoh kesantunan dalam berbahasa yang terkandung dalam al-Quran. Dapatkan seterusnya mengemukakan beberapa penemuan penggunaan kesantunan bahasa yang mengandungi nilai pendidikan, kelembutan, hikmah, penerangan, sindiran dan tatasusila. Hasil analisis turut menemukan nilai kesantunan bahasa dalam berdakwah, kesopanan dalam memberi gelaran dan panggilan kepada seseorang, mencerminkan unsur positif dalam dakwah, dan yang lebih utama, santun dalam berdoa dan berakhlik kepada Allah.

## SINOPSIS BUKU



DR MUHAMAD AFZAMIMAN  
ARIPIN, DR NORLIAH KUDUS,  
DR MAHADI ABU HASSAN

**Buli di Tempat Kerja**  
Durian Tunggal, Melaka:  
Universiti Teknikal Malaysia  
Melaka, 2020.  
ISBN: 9789672145554

Buli bukanlah perkara yang hanya wujud di dalam persekolahan sahaja. Sebagai majikan, pekerja atau individu yang berada di dalam sesebuah organisasi, pasti timbul persoalan tentang fenomena ini di alam pekerjaan. Bahkan mungkin ada yang sedang mendepaninya dengan penuh kerunsingan dan kesabaran. Inilah persoalan dan jawapan yang cuba dikupas melalui buku ini. Buku ini membincangkan fenomena buli di tempat kerja dengan fakta-fakta menarik, menjawab persoalan-persoalan dalam klasifikasi kes buli, kaedah mendepani situasi buli, dan ilmu-ilmu serta perkongsian berkaitannya. Bersama penulisan santai ini juga, diselitkan bersama-sama anekdot catatan ringkas penulis sebagai selingan dalam memberikan tauladan, memujuk hati, mencetus pemikiran dan merefleksi diri.

## SINOPSIS BUKU



BONDA NOR  
**Cinta Sentiasa Menang**  
Selangor: Galeri Ilmu Sdn. Bhd., 2020.  
ISBN: 9789830979151

First thing first. Utamakan yang utama. Penulis membawa pembaca untuk menyusun setiap urusan mengikut keutamaan. Sedari awal, pembaca dibawa menyelusuri perjalanan penulis dalam menjadi seorang penulis dakwah. Menariknya, penulis memilih untuk berkongsi jalinan kisah-kisah peribadi daripada pengalaman penulis sendiri dengan gaya penulisan yang santai dan membuat pembaca berasa seperti berada bersama-sama penulis. Nukilan ini adalah satu perkongsian kisah cinta penulis secara terus kepada Allah, kepada Rasulullah, kepada syurga, kepada ahli keluarga, sahabat handai bahkan kepada non-Muslim juga.


## SINOPSIS BUKU



**Teknik dan Strategi dalam Penyelidikan Kaunseling**  
Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia,  
2020.  
ISBN: 9789674614904

'Teknik dan Strategi dalam Penyelidikan Kaunseling' merupakan sebuah buku penyelidikan terkini yang mengaplikasikan pendekatan kajian kes tunggal dalam bidang kaunseling. Pengaplikasian pendekatan kajian kes tunggal membolehkan pelajar atau pengamal kaunseling memahami teknik dan strategi bagi mengenal pasti kesan rawatan yang telah dijalankan dalam menangani isu seperti kemarahan, kemurungan, fobia, stres dan psikologi lain pada pelbagai peringkat umur dan latar belakang klien. Buku ini amat sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan oleh semua pelajar peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di kolej, Institut Pendidikan Guru, universiti awam dan swasta. Di samping itu, pengamal kaunseling dalam agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan turut boleh mendapat manfaat daripada penyelidikan yang dibincang dan diuraikan dalam buku ini. Pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui pembacaan buku ini dapat meningkatkan keterampilan dalam melaksanakan penyelidikan bagi meningkatkan tahap profesionalisme kaunselor.

## SINOPSIS BUKU



MERIAM OMAR DIN  
**Journey of Struggles and Survivors**  
Kuala Lumpur: Meriam Omar Din, 2020.  
ISBN: 9789671830307

This book is written to provide a psychological-based knowledge in understanding women's behavior in relation to psycho-social problems and crises in life. It covers a comprehensive and in-depth knowledge of women's behavior with emphasis on women's experiences during a crisis in life. It is mainly intended for educators, counsellors, and therapist with the hope to provide a more in-depth and accurate understanding of women's behavioral issues and effective approaches in attending to their concerns and needs. It also provides an overall exposure for women in crises and may be helpful as an initial self-therapy while looking for professional help.

## SINOPSIS BUKU



DR MOHAMAD ZAHIR ZAINUDIN  
**Minda Kerja Cemerlang**  
Durian Tunggal, Melaka:  
Universiti Teknikal Malaysia  
Melaka, 2020.  
ISBN: 9789672454014

Persekutuan hidup pada hari ini sentiasa dibayangi oleh persaingan. Biarpun teknologi kerja semakin canggih, namun corak kerja perlu disesuaikan dengan gaya hidup masa kini. Buku Minda Kerja Cemerlang yang anda sedang tatap ini merupakan idea luar biasa untuk membuka hati dan perasaan anda untuk memulakan langkah perubahan di tempat kerja. Keberhasilan dan penghasilan kerja cemerlang tidak hanya disumbangkan oleh teknologi, sebaliknya cara berfikir juga memberi suntikan terhadap pemikiran corak kerja yang lebih cekap, berkesan dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan. Justeru, buku ini menghimpunkan pengalaman, tip, kiasan, metafora dan kejadian sebenar supaya pembaca dapat merasai proses memulakan perubahan.

## SINOPSIS BUKU

*Autoriti Fatwa & Pendapat Mufti dalam Undang-undang di Malaysia*




Mohd Kamel Mat Salleh  
Mohd Al Adib Samuri

MOHD. KAMEL MAT  
SALLEH, MOHD. AL  
ADIB SAMURI  
**Autoriti Fatwa &  
Pendapat Mufti dalam  
Undang-undang di  
Malaysia**

Bangi, Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2020.  
ISBN: 9789672510468

Fatwa di Malaysia mengalami transformasi apabila fatwa diangkat menjadi salah satu instrumen perundangan menerusi penubuhan institusi fatwa, proses pewartaan dan penerimaan fatwa sebagai rujukan atau autoriti dalam perbicaraan mahkamah. Peruntukan berkaitan fatwa dinyatakan dengan jelas menerusi perundangan Islam negeri dan dipertahankan keabsahannya oleh keputusan mahkamah tertinggi di Malaysia. Perkembangan kedudukan fatwa di Malaysia ini adalah suatu yang unik dalam sejarah perundangan Islam, sekali gus menjadikan fatwa dan institusinya sebagai subjek penelitian yang penting dalam memahami perkembangan perundangan Islam dalam dunia kontemporer. Sehubungan itu, buku ini akan membahaskan tentang fatwa dan pendapat mufti sebagai autoriti di mahkamah syariah dan sivil di Malaysia dengan menyorot tentang kedudukan fatwa dari aspek sejarah dan perundangan.


## SINOPSIS BUKU



TZAR MOHD. NIZAM  
KHAITHIR, HAMIDAH  
YUSOFF,  
MARIANAYATI  
MUHAMMAD  
**Teknik Asas Makmal  
Mikologi Perubatan**  
Bangi, Selangor:  
Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2020.  
ISBN: 9789672429005

Mikologi perubatan adalah cabang mikrobiologi perubatan yang berkait dengan kulat perubatan yang penting. Bidang ini meliputi epidemiologi, ejen penyebab, pathogenesis, manifestasi klinikal, penyiasatan, pengurusan dan pencegahan mikosis. Makmal mikologi perubatan membantu pengurusan pesakit mikosis dengan memproses spesimen klinikal bagi mendapatkan diagnosis mikosis. Oleh kerana ciri-ciri kulat yang unik, bilangan juruteknologi makmal perubatan yang mahir dalam bidang mikologi perubatan adalah terhad. Malah mereka yang mahir dalam bakteria perubatan pun kadang-kadang mendapati diri mereka dalam kesukaran untuk mengenalpasti kulat. Oleh itu, buku ini bertujuan untuk meringankan kesukaran tersebut dengan menyampaikan teknik-teknik asas dalam makmal mikologi perubatan. Pada masa yang sama, buku ini turut menyebut tentang kaedah bukan konvensional lain yang terdapat di dalam mikologi perubatan supaya para pembaca, khususnya juruteknologi makmal perubatan mengetahui masih ada teknik lain untuk mengenal pasti atau mengesan kulat.


## SINOPSIS BUKU



NUR HAMIZAH MD UDIN, AMIDON ANAN,  
KHAIRUL OSMAN  
**Bukti Fizikal  
Pembunuhan di  
Malaysia : Kes Canny  
Ong**  
Bangi, Selangor:  
Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2020.  
ISBN: 9789672388524

Buku ‘Bukti Fizikal Pembunuhan di Malaysia : Kes Pembunuhan Canny Ong’ adalah buku ilmiah yang boleh dijadikan rujukan dalam proses penyiasatan tempat kejadian jenayah (*crime scene investigation*) mengikut prosedur operasi piawai (*Standard Operating Procedure, SOP*). Buku ini mengulas secara terperinci kaedah penyiasatan kes pembunuhan Canny Ong yang tidak pernah didedahkan sebelum ini dengan penemuan semula bahan bukti yang berkaitan dengan kes pembunuhan tersebut. Cara pemprosesan bahan bukti yang dijumpai, dari segi pengumpulan, penyimpanan dan analisis bahan bukti tersebut telah dijelaskan dalam buku ini berpandukan prosedur operasi piawai. Buku ini juga mempunyai gambar yang berkaitan dengan kes pembunuhan yang tidak pernah ditunjuk untuk tatapan umum. Prinsip asas yang paling penting dalam bidang Sains Forensik, iaitu Prinsip Pemindahan Locard (*Locard Exchange Principle*) yang menyatakan bahawa setiap sentuhan akan meninggalkan kesan atau jejak akan diterangkan dengan lebih lanjut berdasarkan bahan bukti yang ditemui dalam kes pembunuhan.

## SINOPSIS BUKU



WONG, CINDY CHYEE  
CHEN  
**Pendidikan Sains Etnik  
Penan**  
Bangi, Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2020.  
ISBN: 9789674129767

Buku ini mendedahkan satu pendekatan alternatif dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) sains untuk murid-murid Penan di Malaysia. Pendekatan yang cuba diketengahkan dalam buku ini menggalakkan proses PdP berlaku di persekitaran yang dianggap biasa dan selesa oleh golongan murid Penan. Melalui aktiviti yang disediakan menggunakan pendekatan alternatif yang dicadangkan, murid-murid Penan akan dapat melalui proses PdP yang menyeronokkan dan lebih bermakna. Pendekatan ini telah terbukti dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sains khususnya dalam menjelaskan fenomena yang berlaku di sekeliling mereka secara saintifik. Selama ini mereka dikatakan mengamalkan kepercayaan tidak berdasas dalam kehidupan masyarakat Penan. Aktiviti kumpulan yang disediakan dalam buku ini juga berupaya memberi kesan terhadap tahap motivasi dan konsep kendiri dalam kalangan murid-murid Penan di Malaysia. Selain dari menyediakan aktiviti pembelajaran untuk diikuti dan dicontohi, buku ini juga membincangkan tentang proses dan pedagogi yang digunakan semasa proses PdP yang diharap dapat membantu guru permulaan sains khususnya guru bukan opsyen sains.

## SINOPSIS BUKU




NORKISME ZAINAL ABIDIN,  
NUR RIZA MOHD. SURADI,  
ZAINOL HJ. MUSTAFA  
**Inovasi Organisasi : Sumber,  
Keupayaan dan Prestasi**  
Bangi, Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
2020.

ISBN: 9789672429319

Buku ini mempunyai gambaran terperinci mengenai ekosistem inovasi dalam organisasi di Malaysia. Justeru itu, ia sesuai untuk penyelidikan dan organisasi pada semua peringkat yang ingin mengetahui senario persekitaran inovasi serta membangunkan model inovasi organisasi. Buku ini memperincikan tahap kefahaman inovasi organisasi menggunakan analisis deskriptif, menentukan faktor inovasi yang perlu diberi tumpuan utama melalui pembangunan Analisis Kepentingan-Keberkesanan, membina dan menguji Model Keupayaan Rantaian Nilai Inovasi organisasi serta menentukan pengaruh konstruk keupayaan inovasi terhadap prestasi organisasi menggunakan Analisis Pemodelan Persamaan Struktur-Kuasa Dua Terkecil Separa. Tinjauan dijalankan melalui kaedah emel, temu bual bersemuka dan kaedah letak dan pungut menggunakan borang soal-selidik yang diuji kebolehpercayaannya. Analisis Kepentingan-Keberkesanan, pembangunan model inovasi dan pengenalpastian titik lemah sumber inovasi dan proses inovasi berupaya membantu organisasi mencapai potensi inovasi sepenuhnya.

## SINOPSIS BUKU




MOHAMED SABIR  
JAMALUDIN

**Cabaran Dakwah &  
Pemerintahan Khulafa'  
ar-Rasyidin**

Kajang, Selangor: Aras Mega  
(M) Sdn. Bhd., 2020.  
ISBN: 9789672448716

Buku ini memfokuskan kepada cabaran perjuangan dakwah keempat-empat khalifah pertama iaitu Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan dan Ali bin Abi Talib. Zaman dan tempoh pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin berbeza namun sumbangan terhadap perkembangan dakwah sangat besar sehingga Islam dapat disebarluaskan ke serata pelosok dunia. Ia menyoroti cabaran awal pemerintahan khulafak ar-Rasyidin sehinggalah isu perbezaan pandangan para sahabat terhadap kepimpinan mereka yang melibatkan ijтиhad politik, pembangunan negara, peperangan, perluasan wilayah dan pelbagai lagi. Khulafa' ar-Rasyidin merupakan para sahabat Rasulullah S.A.W yang mendapat tarbiah atau pendidikan langsung daripada Baginda. Apabila menjadi pemimpin, mereka sedaya upaya berusaha melaksanakan tanggungjawab kepimpinan berdasarkan kefahaman terhadap ajaran Baginda. Kejayaan mereka yang paling besar ialah melebarkan Islam dan mengukuhkan akidah.

## SINOPSIS BUKU




### Antologi Cerpen Remaja : Gadu Wam

Kuala Lipis, Pahang: Jabatan Pengajian Melayu IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, 2021.  
ISBN: 9789833058129

'Gadu Wam' menghimpunkan 47 buah cerpen yang dihasilkan oleh 46 orang penulis yang terdiri dari kalangan penulis Melayu dan Orang Asli. Keunikan antalogi ini terletak kepada persoalan-persoalan mengenai kehidupan yang diterjemahkan melaui kisah benar, mitos, legenda dan cerita rekaan dengan pelbagai latar yang menarik. Kisah-kisah mengenai perjuangan hidup, budaya masyarakat Orang Asli dan Melayu, persahabatan, kekeluargaan, misteri dan seram disampaikan dalam bahasa yang bersahaja, mudah difahami dan melucukan. Norhayati a/p Jidin memaparkan padah akibat sikap degil 'Aku' dan 'Mira' yang tidak menghiraukan larangan 'Aki' mereka. Kasih sayang dan nilai kekeluargaan jelas dalam aksi yang diungkapkan sambil merungkai misteri puaka 'Gadu Wam'. Perlakuan ingkar seperti ini turut dipaparkan oleh Noraliza a/p Kamal melaui 'Kasit Berenek' dan 'Celau' oleh Kartina a/p Kedah. Dalam pada itu, 'Menunggu Gulai Tempoyak Mak' tulisan Nur Farah Sahira masih kekal dengan gamitan makanan tradisional masyarakat Melayu Pahang.

## SINOPSIS BUKU




### Arkeologi di Malaysia : Sejarah, Warisan Dan Kebudayaan

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa  
dan Pustaka, 2020.  
ISBN: 9789834921972

Penulisan dalam buku ini wajar diberikan pujian dan penghargaan kerana buku ini merupakan penulisan sejarah negara berdasarkan pandangan daripada kaca mata pengkaji-pengkaji tempatan melalui kajian dan penemuan terkini mereka. Buku ini mencakupi aspek arkeologi prasejarah, protosejarah, sejarah, etnoarkeologi, kajian saintifik dalam arkeologi dan pengurusan muzium, warisan dan kebudayaan. Buku ini terhasil rentetan daripada Seminar Arkeologi Kebangsaan Ke-2 di Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013. '*Arkeologi di Malaysia : Sejarah, Warisan Dan Kebudayaan*' adalah hasil daripada kajian 27 pakar arkeologi, protosejarah dan warisan negara. Penulisan mereka pasti akan memberikan faedah dan impak yang signifikan bukan sahaja kepada mereka yang berlatar belakang dalam bidang arkeologi, warisan dan budaya tetapi juga kepada orang ramai yang berminat untuk meningkatkan lagi pengetahuan tentang sejarah warisan negara.


## SINOPSIS BUKU



AZAIKA SR  
**Bunga-Bunga Kasih :**  
**Kumpulan Cerpen**  
Ampang, Selangor: Pekan Ilmu  
Sdn. Bhd., 2019.  
ISBN: 9789674380618

Buku ini merupakan antologi cerpen mengenai kisah cinta yang sarat dengan emosi dan meruntun jiwa. Himpunan kisah cinta yang tidak kesampaian, penuh halangan serta cabaran yang menyedarkan pasangan bercinta agar sentiasa berpijak pada bumi yang nyata. Sememangnya cinta itu amat indah dan ibarat kuntuman bunga di taman yang mekar dan mewangi. Namun hakikatnya, cinta ada ketikanya diumpamakan titisan embun yang membasahi dedaunan hijau yang akan hilang apabila terbit sang mentari di pagi hari. Ada waktunya, cinta hanya hadir untuk sementara waktu sahaja dan kemudian lalu menghilang daripada kehidupan kita. Rasa kecewa dan pedih akibat mengalami kegagalan dan kedukaan dalam bercinta dihimpunkan dalam Bunga-bunga Kasih untuk kita bersama-sama menghayati dan berkongsi perasaan.

## SINOPSIS BUKU



ZULKIFLI MOHD. YUSOFF  
**Tafsir Ayat Ahkam**  
**Berdasarkan Ayat Pilihan**  
**Popular**  
Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, 2021.  
ISBN: 9789674815622

Al-Quran adalah kitab pedoman hidup insani. Bimbingan dan panduan untuk beroleh kejayaan, ketenangan dan kemakmuran hidup atas landasan yang benar. Kitab al-Quran mengandungi peraturan, bimbingan, panduan untuk diamalkan oleh setiap Muslim dari pelbagai strata kehidupan individu dan sosial. Mematuhi setiap peraturan, hukum hakam dan larangannya adalah wajib tanpa sebarang kompromi. Buku Tafsir Ayat Ahkam ini menghuraikan secara terperinci dan menyeluruh ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan peraturan dan hukum-hakam. Setiap huraian disertakan dengan sebab-sebab penurunan ayat (asbabul nuzul), makna perkataan terpilih, keterangan keseluruhan secara umum dan pengajaran yang diperolehi daripada setiap ayat. Buku ini ditulis dengan bahasa yang ringkas tetapi padat beserta contoh semasa serta sejarah perkembangan Islam. Penulis buku ini berjaya mengupas setiap keterangan dengan pendekatan yang memikat dan mudah difahami.